



# KRITIKAN GOLDZIHHER TERHADAP RIWAYAT ABU HURAIRAH: ANALISIS TERHADAP HADITH ANJING TANAMAN

Zati Nazifah Bt Abdul Rahim, Nur Syahirah Bt Mohd Wazir, Siti Baizura Bt Solihan, Nur  
Natasya Nabilla Bt Rosman

\* *Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.*

## Abstract

In the field of hadith studies, Goldziher has been recognised as one of the modern scholars that excelled and explored in criticizing the hadith. Approaching the hadith with various methods, he was found to produce a novel reading on Islamic literature. By employing the critical historical method, concept of anachronism and principle of analogy, Goldziher paved a new path for the future scholars to examine the hadith in a different approach. One of his popular argument on hadith is his criticism on Abu Hurairah's narration regarding farm dog. This study aims to explore Goldziher's criticism on this narration and provide a re-evaluation on Goldziher's inference concerning the topic. The study is qualitative in nature in which researchers employed a library research method. The study in its finding proposed that Goldziher's criticism on the narration is based on a fragile argument that could probably be reassessed again.

**Keywords:** Goldziher, Abu Hurairah, criticism, orientalism

## Abstrak

Dalam bidang kajian kritis terhadap hadith, Goldziher telah diiktiraf sebagai sarjana penyelidik barat yang telah mempelopori kajian kritis terhadap matan hadith. Menggunakan teknik *critical historical method*, *anachronism* dan prinsip *analogy*, Goldziher dikatakan telah membuka satu dimensi baru dalam kaedah memahami teks hadith. Salah satu kritiknya yang agak popular adalah keraguan terhadap riwayat Abu Hurairah. Kajian ini meneliti kritikan Goldziher terhadap riwayat Abu Hurairah berhubung arahan Rasulullah untuk membunuh anjing. Kajian ini juga menilai ruang penilaian semula terhadap sisi kritikan yang dilontarkan oleh Goldziher. Teknik kajian perpustakaan digunakan di dalam kajian ini iaitu teks-teks berhubung subjek perbincangan dinilai berdasarkan pandangan sarjana Islam dan barat. Dapatan kajian mengesahkan bahawa terdapat ruang penilaian semula terhadap kritikan dan kesimpulan yang dinyatakan oleh Goldziher berhubung hadith arahan membunuh anjing yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah.

**Keywords:** Goldziher, Abu Hurairah, kritikan, orientalisme

## Article Progress

Received: 30 October 2017  
Revised : 20 November 2017  
Accepted: 20 December 2017

\* *Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*  
Email: zatinazifah@gmail.com

## 1. PENDAHULUAN

William Muir, adalah antara penulis terawal yang mempersoalkan tentang tahap kesahihan hadith untuk dijadikan sumber mengenai kehidupan dan keperibadian Nabi Muhammad (Brown, 2009, Azmi, 2017). Dalam karyanya, *Life of Mohamet*, Muir menolak periwayatan hadith yang padanya jelas tidak adil dan tidak boleh dijadikan sandaran kerana hanya menceritakan hal-hal yang baik sahaja mengenai Nabi Muhammad dan umat Islam yang terdahulu. Walaubagaimanapun, Muir mengakui Quran sebagai sumber yang boleh dijadikan sandaran terhadap ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad, dan beliau juga mengakui bahawa sebahagian hadith yang terkandung di dalam Sahih Bukhari boleh diterima untuk dijadikan sandaran walaupun pengkritik daripada Eropah menolak hampir separuh daripada riwayat kitab tersebut. Muir seterusnya menyatakan bahawa *classical hadith criticism* (kritikan terhadap hadith secara klasik yang digunakan oleh ulama hadith terdahulu) tidak berguna kerana kritiknya hanya tertumpu kepada sanad dan tidak mengambil kira matan atau isi kandungan hadith tersebut.

## 2. METODE ANACHRONISM DAN PRINSIP ANALOGY

Kajian moden telah mengesahkan bahawa kritikan terhadap sumber Islam telah muncul di zaman Rasulullah lagi (Azmi 2017). Kritikan zaman dahulu telah meletakkan kerangka asas dalam meneroka ruang bagi membolehkan pengkaji moden meneruskan kesinambungan kajian kritis mereka terhadap Quran dan hadith. Menurut Brown (2009), kajian barat yang meneroka bidang kritikan terhadap hadith ini telah menggunakan konsep *Historical Critical Method* (kaedah mengkaji dan menganalisis sejarah secara kritis) terhadap kesusasteraan hadith secara meluas beserta dengan penelitiannya dari sudut akademik. Berdasarkan kajiannya terhadap sumber teks sejarah awal Islam, Goldziher mendakwa bahawa hadith tidak boleh dianggap sebagai bukti dokumentari atau bukti bertulis kerana tiada sebarang dokumen yang ditulis mengenai kehidupan Nabi Muhammad sewaktu baginda masih hidup. Tambahan pula, hadith mengenai baginda disampaikan atau diriwayatkan melalui lisan yang dianggap sebagai medium yang sangat fleksible kerana terdedah kepada pemalsuan dan mudah untuk dimanipulasi. (Brown, 2009)

Oleh itu, bagi mengenalpasti hadith palsu, Goldziher telah menggunakan konsep *anachronism* (mengesan kalimah-kalimah asing dalam matan hadith yang sepatutnya masih belum wujud pada zaman Nabi) dan Prinsip Analogi. Goldzier memberikan contoh hadith yang merujuk kepada sesuatu konflik atau hal-hal yang berlaku selepas kewafatan Nabi Muhammad adalah propaganda semata-mata, dan bukan sabda baginda sendiri. Sebagai contoh hadith yang cenderung untuk memuji al-Shafi'i barangkali dicipta kerana konflik mazhab, atau hadith yang berbaur pemahaman syiah sudah pasti direka setelah kewafatan Nabi. Propaganda ini dicipta oleh mereka yang terlibat dengan konflik tersebut. Hasil daripada kaedah yang digunakan oleh Goldziher, kebanyakan isi kandungan atau matan hadith bukan sahaja membuktikan bahawa hadith tersebut adalah palsu, malah siapa yang memalsukan dan bila hadith tersebut dipalsukan juga dapat dikenalpasti. Oleh sebab itu, Goldziher berpendapat bahawa hadith bukanlah riwayat mengenai legasi Nabi Muhammad yang sebenar, tetapi sebaliknya menggambarkan aspirasi atau keinginan masyarakat Islam pada zaman tersebut (Brown, 1996).

Menurut Goldziher lagi, autoriti Nabi sebagai manusia yang boleh menilik masa depan telah membuka ruang kepada orang Islam mencipta hadith yang sesuai dengan zaman mereka. Dengan sebab itu hadith-hadith seperti "akan datang satu zaman" atau akan tiba satu masa," menurut Goldziher adalah hadith-hadith yang dicipta kemudian. Ini adalah kerana, gambaran-gambaran yang digambarkan di dalam hadith tersebut adalah sesuai dengan waktu hadith tersebut dicipta dan bukannya dilafazkan oleh Rasulullah sendiri (Goldziher, 1971, 1981).

Goldziher seterusnya menyenaraikan empat agenda atau sebab utama yang membawa kepada pemalsuan hadith oleh golongan Muslim ketika 300 tahun pertama Islam iaitu; agenda politik, perundangan, mazhab dan perkauman/sejarah (Brown, 2009). Namun, agenda politik adalah paling penting terutamanya pada zaman Umayyah kerana aktiviti pemalsuan hadith telah memainkan peranan yang besar dalam propaganda politik pada zaman tersebut. Hal ini kerana, menurut beliau, pemerintahan khalifah Umayyah bersifat sekular dan tidak menggambarkan sistem pemerintahan sebuah negara Islam sebagaimana kehidupan komuniti Islam di Madinah pada zaman Nabi Muhammad mahupun selepas

kewafatan baginda. Oleh sebab itu, khalifah Umayyah merangka pemalsuan hadith demi menyokong setiap undang-undang dan amalan politik mereka.

### **3. KRITIKAN GOLDZIHHER TERHADAP MATAN HADITH**

Goldziher mengemukakan contoh ketika berlakunya peperangan dalaman antara Muslim, dimana musuh dinasti Umayyah iaitu ‘Abdallah bin Al-Zubayr telah menguasai Makkah dan laluan haji (Goldziher, 1971). Oleh kerana bimbang akan pengaruh pemberontakan, maka hadith *Syaddur-Rihal* telah direka agar golongan Muslim tidak perlu keluar daripada wilayah yang berada di bawah penguasaan khalifah Umayyah. Sudah memadai bagi mereka dengan hanya memilih untuk menziarahi Masjidil Aqsa dan tidak perlu keluar daripada Palestin. Hal yang sama berlaku apabila Khalifah Umayyah pada masa itu duduk sewaktu menyampaikan khutbah Jumaat kerana ingin kelihatan lebih mulia di hadapan para jemaah. Golongan pemalsu hadith pada ketika itu terus bertindak mencipta hadith bahawa Nabi Muhammad juga pernah menyampaikan khutbah sambil duduk (Maloush, 2000).

Goldziher mendakwa Bani Umayyah mampu untuk memalsukan dan mencipta hadith kerana pengumpulan hadith pada zaman tersebut dibiayai dan berada di bawah pengawasan mereka. Sebagai contoh, al-Zuhri yang merupakan antara tokoh penting dalam pengumpulan hadith di Hijaz dan Syria, turut berkhidmat sebagai tenaga pengajar kepada Putera Umayyah, hakim negara, dan juga tentera Bani Umayyah. Maka tidak hairanlah terdapat nama al-Zuhri dalam sanad hadith mengenai *Syad ar-Rihal* kerana sudah tentu al-Zuhri juga terlibat dengan propaganda tersebut. Goldziher menyimpulkan bahawa kebanyakan tokoh hadith yang terawal seperti al-Sha’bi dan al-Himyari juga terlibat dan mempunyai kaitan dengan sistem kehakiman Umayyah. Propaganda politik kerajaan Umayyah ini sekaligus telah menyebabkan ilmu hadith berkembang dengan baik pada zaman tersebut (Brown, 2009). Goldziher turut menamakan Abd al-Rahman ibn Khalid, pegawai yang bertugas di dalam istana pemerintahan Khalifah Umawiyah sebagai orang yang bertanggungjawab dalam penciptaan hadith bagi membantu kerajaan (Goldziher, 1971).

Selain hadith *syad al-rihal*, Goldziher turut memberikan contoh hadith yang diriwayatkan oleh

Abu Daud yang bermaksud: “Sesungguhnya berbahagialah mereka yang menjauhi fitnah.” Lafaz fitnah atau fitan ini menurut Goldziher hanya muncul pada zaman peperangan dalaman antara Muslim (seperti perselisihan antara Ali dan Muawiyah atau Abdullah ibn al-Zubayr dengan pemerintah Bani Umayyah). Lafaz seperti ini menurut beliau tidak pernah muncul di zaman Nabi. Dengan itu menurut beliau, hadith seperti ini yang menyebutkan tentang fitnah pergaduhan Muslim adalah hadith yang direka kemudian (Brown, 2009).

Kajian Goldziher terhadap pemalsuan hadith menghasilkan gambaran bahawa golongan Muslim sanggup untuk mencipta pembobohan terhadap Nabi mereka. Selepas kewafatan Nabi, para Sahabat juga, menurut Goldziher, turut memalsukan hadith dan menghalalkannya dengan cara menyandarkannya kepada Nabi. Hal yang sama berlaku di bawah pemerintahan Umayyah dan Abasiyyah kerana pemalsuan hadith dilakukan dengan hanya menyusun beberapa kenyataan dan menyandarkannya kepada Nabi. Amalan-amalan ini dianggap wajar dengan wujudnya dalil hadith bahawa jika mereka mendengar hadith yang maknanya tidak bertentangan dengan Quran, maka ianya benar walaupun disebut oleh Nabi ataupun tidak. Maka golongan ini mendapati tidak menjadi kesalahan bagi mereka untuk mencipta hadith palsu demi mengekalkan apa yang diajar oleh Nabi Muhammad. Sebagaimana Muir, Goldziher juga menyimpulkan bahawa kritikan terhadap matan hadith tidak diambil kira oleh pengkritik hadith Muslim. Meskipun pelbagai keraguan ditemui dalam matan sesebuah hadith, jika sanadnya tidak mempunyai sebarang masalah, maka hadith itu diterima.

### **4. KRITIKAN GOLDZIHHER TERHADAP ABU HURAIRAH**

Antara contoh kritikan Goldziher terhadap hadith nabi adalah berkenaan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari. Goldziher menegaskan bahawa rekod penulisan dari umat Islam itu sendiri mengakui secara tidak langsung berlaku pemalsuan hadith. Ini terbukti apabila terdapat hadith yang memberi pengesahan secara tidak sedar. Sebagai contoh riwayat dari Imam Muslim di mana Nabi memerintahkan agar kaum Muslimin membunuh semua anjing kecuali anjing pemburu dan anjing ternakan. Ketika menyampaikan hadith ini, Ibnu



Umar diberitahu bahawa Abu Hurairah dalam lafaz yang lain menyebutkan bahawa “anjing yang menjaga tanaman adalah turut dikecualikan juga”. Ibnu Umar direkodkan sebagai berkata: “Abu Hurairah memiliki ladang tanaman.” Daripada kata-kata Ibn Umar ini, Goldziher menggambarkan seolah Abu Hurairah mempunyai kepentingan peribadi apabila mengecualikan anjing yang menjaga tanaman kerana ingin menyelamatkan anjing atau tanaman beliau barangkali (Maloush 2011).”

Hadith yang dimaksudkan oleh Goldziher adalah:

أن الرسرل (ص) أمر بقتل الكلاب، إلا كلب صيد أو كلب غنم، أو ماشية. فقيل لابن عمر: إن أبا هريرة يقول: أو كلب زرع. فقال ابن عمر: إن لأبي هريرة زرعاً.

“Dari Ibnu Umar bahawasannya Rasulullah memerintahkan untuk membunuh semua anjing, kecuali anjing untuk berburu, atau anjing untuk menjaga kambing, atau anjing penjaga ternakan. Lalu seseorang telah berkata kepada Ibnu Umar bahwasanya Abu Hurairah pernah berkata: “atau anjing yang menjaga tanaman”. Maka Ibnu Umar berkata: “Sesungguhnya Abu Hurairah memiliki tanaman.”

Berdasarkan hadith di atas, Goldziher telah mendakwa bahawa Abu Hurairah telah menambah-nambah perkataan dalam hadith. Iaitu Abu Hurairah menambah perkataan “anjing ladang” yang mana menurut riwayat tersebut, kenyataan Ibnu Umar ini kelihatan seolah-olah menunjukkan bahawa lafaz “anjing ladang” telah ditambah oleh Abu Hurairah kerana Abu Hurairah dikatakan mempunyai ladang tanaman. Menurut Goldziher, Abu Hurairah sengaja menambah “anjing ladang” kerana Abu Hurairah mempunyai kepentingan peribadi di sini.

## 5. ANALISIS TERHADAP DAKWAAN GOLDZIHHER

Benar, Rasulullah S.A.W telah memerintahkan agar semua anjing liar dibunuh kecuali anjing buruan, anjing ternakan dan anjing ladang. Dakwaan yang menyatakan bahawa Abu Hurairah yang menambah pengecualian terhadap anjing yang menjaga tanaman daripada dibunuh adalah tidak benar. Ini kerana hadith ini bukan dahaja diriwayatkan oleh Abu Hurairah sahaja. Ianya turut diriwayatkan

oleh Abdullah ibn al-Mughaffal dan Sufyan ibn Abu Zuhayr juga melalui rantaian *sanad* yang berbeza yang terdapat didalam *Sahih Muslim* dalam bab larangan memelihara anjing kecuali anjing buruan, anjing ternakan dan anjing ladang. Hadith tersebut adalah:

حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ مُعَاذٍ، حَدَّثَنَا أَبِي، حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، عَنْ أَبِي التَّيَّاحِ، سَمِعَ مُطَرِّفَ، بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ ابْنِ الْمُعْفَلِ، قَالَ أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ ثُمَّ قَالَ " مَا بِالْهُمَّ وَبِالْ كِلَابِ " . ثُمَّ رَخَّصَ فِي كَلْبِ الصَّيِّدِ وَكَلْبِ الْغَنَمِ .

Maksudnya: Dari Ibn Mughaffal berkata: Rasulullah S.A.W telah memerintahkan membunuh anjing dan kemudian berkata: “Apakah masalahnya dengan mereka (orang-orang Madinah)? Adakah anjing adalah gangguan bagi mereka (penduduk Madinah)?” Rasulullah S.A.W kemudiannya membenarkan anjing untuk diburu dan anjing (perlindungan) ternakan. (Muslim, t.t.).

Begitu juga hadith:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى، قَالَ قَرَأْتُ عَلَى مَالِكٍ عَنْ يَزِيدَ بْنِ خُصَيْفَةَ، أَنَّ السَّائِبَ، بْنَ يَزِيدَ أَخْبَرَهُ أَنَّهُ، سَمِعَ سُفْيَانَ بْنَ أَبِي زُهَيْرٍ، - وَهُوَ رَجُلٌ مِنْ شَوْعَةَ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ " مَنْ اقْتَنَى كَلْبًا لَا يُعْنِي عَنْهُ زَرْعًا وَلَا ضَرْعًا نَقَصَ مِنْ عَمَلِهِ كُلِّ يَوْمٍ قِيرَاطٌ " . قَالَ آتَتْ سَمِعَتْ هَذَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِي وَرَبِّ هَذَا الْمَسْجِدِ .

Maksudnya: Dari Sufyan b. Abu Zuhair berkata: Aku mendengar Rasulullah saw bersabda: Barangsiapa yang memelihara seekor anjing yang sangat diperlukan untuk memerhatikan ladang atau binatang itu akan kehilangan satu qirat dari perbuatannya setiap hari. As-Sa'ib b Yazid (salah seorang perawi) berkata: Adakah kamu mendengarnya dari Rasulullah s.a.w?



Beliau berkata: Ya. Demi penjaga masjid ini (Muslim, t.t.)

Kedua-dua hadith ini menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W membenarkan memelihara anjing untuk memburu, menjaga ternakan dan (perlindungan) tanah/ladang yang ditanam. Dengan riwayat dari sahabat yang lain ini, adalah sukar untuk kita andaikan bahawa Abu Hurairah telah menambahkan apa yang disampaikan oleh Rasulullah sedangkan `Abdullah b. al-Mughaffal dan Sufyān b. Abi Zuhayr turut juga meriwayatkan perkara yang sama dari Rasulullah S.A.W.

Ketika Ibnu Umar mengucapkan lafaz "Abu Hurairah memiliki ladang" di akhir hadith ini, timbul persoalan iaitu apakah sebenarnya yang dimaksudkan Ibnu Umar apabila beliau berkata sedemikian. Bagi Goldziher, kenyataan Ibnu Umar ini menunjukkan sifat ragu-ragu Ibnu Umar terhadap Abu Hurairah. Pada hakikatnya, adalah sukar bagi kita untuk mengatakan Ibnu Umar telah melemparkan pernyataan dengan niat seperti yang didakwa oleh Goldziher. Lafaz ini pada hakikatnya, boleh difahami dengan maksud bahawa Ibn Umar berkata sedemikian adalah untuk mengesahkan riwayat Abu Hurairah. Iaitu apabila seorang lelaki di sisi Ibn Umar itu berkata: "Abu Hurairah berkata anjing tanaman turut dikecualikan," Ibn Umar lantas menyahut seolah berkata: "Benar kenyataan Abu Hurairah itu kerana Abu Hurairah memiliki ladang, sudah pasti dia lebih tahu!" Dalam lafaz ini Ibnu Umar seolah membayangkan bahawa Abu Hurairah lebih ingat isu ini kerana beliau memiliki ladang tanaman.

Terdapat beberapa hujah lain yang boleh digunakan bagi menilai dakwaan yang dilemparkan oleh Goldziher terhadap Abu Hurairah. Pertama, Ibnu Umar tidak meragui Abu Hurairah malah telah menyatakan bahawa Abu Hurairah merupakan salah seorang sahabat yang paling rapat dengan Rasulullah S.A.W dan berpengetahuan tinggi tentang hadith Rasulullah. Hal ini direkodkan oleh Ibn Sa'd. Ketika Abu Hurairah meninggal, Ibnu Umar datang pada hari pengkebumian beliau dan memuji Abu Hurairah sebagai orang yang mempelajari hadith yang ikhlas. Al-Imam al-Hakim pula merekodkan di dalam al-Mustadrak bahawa seorang lelaki pernah mempertikaikan sifat Abu Hurairah yang terlalu banyak meriwayatkan hadith. Ibn Umar datang mempertahankan Abu Hurairah dengan berkata: Aku berlindung dari Allah terhadap segala keraguan yang ditimbulkan terhadap riwayat Abu Hurairah.

Sesungguhnya beliau adalah lelaki yang sangat bersungguh dalam mempelajari hadith dan rajin bertanya ketika orang lain takut untuk mengajukan soalan kepada Baginda Rasulullah.

## KESIMPULAN

Penilaian kritis terhadap hadith merupakan usaha yang lebih dulu dilakukan oleh kaum muslim sendiri (Azmi, 2011, 2017). Namun kajian hadith dari persepsi orientalis juga perlu dipelajari oleh umat Islam agar dapat memberikan pandangan pengimbang terhadap kritikan yang dibimbangi tidak seimbang. Penelitian orientalis terhadap hadith dilancarkan secara berperingkat, mempunyai metode yang moden dan sangat teliti. Namun harus diakui bahwa, sekalipun penelitian mereka sangat mendalam, ini tidak berarti kajian mereka tidak terlepas dari kesilapan. Kajian pengkaji terhadap contoh-contoh kritikan Goldziher terhadap hadith-hadith Nabi ini masih terbuka kepada ruang penialain semula yang luas. Oleh itu, umat Islam perlu bersikap bijaksana, terbuka dan tidak pula bersikap menuduh secaramelulu. Umat Islam juga perlu bersikap kritis dan profesional dalam mengkaji dan meneliti karya-karya orientalis itu.

## REFERENCES

1. Brown, Jonathan. 2009. *Hadīth: Muḥammad's Legacy in the Medieval and Modern World*. England: One World.
2. Azmi, A.S., Ismail, M.Y., Nor, Z.M. and Sobali, A.M., 2017. Kritikan Terhadap Rasulullah Dan Al-Quran: Analisis Karya Non-Muslim Zaman Umawiyah Dan Abbasiyyah. *Journal Of Hadith Studies*, 2(1), pp. 1-6.
3. Goldziher, I., 1981. *Introduction to Islamic theology and law*. Princeton University Press.
4. Goldziher, I., Stern, S. M., & Barber, C. R. 1971. *Muslim Studies*, Vol. 2.
5. Azmi, A. S. 2017. Orientalism And The Qur'an: A Prolegomenon. Nilai: Ulum Hadith Research Centre.
6. Azmi, A. S., 2011. Kekeliruan Dan Kritikan Terhadap Sahih Bukhari: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Hadith*, 1(2), pp. 9-29.
7. Maloush, Talal. 2000. *Early Hadīth Literature and The Theory Of Ignaz Goldziher*. unpublished thesis, University of Edinburgh.
8. Muslim, t.t. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī.
9. Azmi, A. S., Ismail, M. Y., Nor, Z. M., 2011. Gerakan Anti Hadith Moden: Kajian Terhadap Penyebaran Pemikiran Melalui Internet. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 24(1), pp. 185-204.
10. Seacht Joseph. 1975. *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*. Oxford: University Press. p. 163.
11. Al-Sijjānī. Abū Dāwūd. 2009. Sunan, ed. al-Arna'ūt. Dār al-Risāla al-Alamiyya. Azmi, Ahmad Sanusi. 2017. Orientalism And The Qur'an: A Prolegomenon: Ulum Hadith Research Centre.
12. Yaqub, Ali Mustafa. 1995. *Kritik Hadith*. p. 22.
13. Minhaji & Ahmad. 1992. Joseph Schacht's Contribution To The Study Of Islamic Law, Tesis., p. 16-25.



14. Azami, Muhammad Musthafa. 1994. "On Schact's Origins of Muhammadan Jurisprudence". Islam Texts Societty. p. 115 - 153.
15. Azmi, A.S., 2012. Dakwaan Orientalis Terhadap Pengaruh Kristian Dalam Al-Quran: Satu Penelitian. *Jurnal Darul Quran*, 16, pp.141-166.
16. Arif & Syamsuddin. 2005. "Hadith Nabi : Otentisitas dan Upaya Destruksinya". Depok: al-Insan. No. 2, Vol. 1. p. 19-22